

**D.R. 39/2024**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 4**

**2.** Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012 [Akta 746], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 4—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “pihak yang tidak membayar” takrif yang berikut:

‘“Presiden” ertiaya Presiden Mahkamah Timbang Tara Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia;’; dan

(b) dengan memotong takrif “PTSKL”.

**Pindaan seksyen 12**

3. Subseksyen 12(6) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pengarah PTSKL” dengan perkataan “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia”.

**Pindaan seksyen 16**

4. Subseksyen 16(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pengarah PTSKL” dengan perkataan “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia”.

**Pindaan seksyen 19**

5. Seksyen 19 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “PTSKL” dengan perkataan “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia”;
- (b) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Pengarah PTSKL” dengan perkataan “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia”;
- (c) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “Pengarah PTSKL” dengan perkataan “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia”; dan
- (d) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “Pengarah PTSKL” dengan perkataan “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia”.

**Pindaan seksyen 21**

6. Perenggan 21(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pengarah PTSKL” dengan perkataan “Presiden”.

### **Pindaan seksyen 23**

**7.** Seksyen 23 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**Pengarah PTSKL**” dengan perkataan “**Presiden**”;
- (b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Pengarah PTSKL” dengan perkataan “Presiden”; dan
- (c) dalam perenggan (3)(b), dengan menggantikan perkataan “Pengarah PTSKL” dengan perkataan “Presiden”.

### **Pindaan seksyen 32**

**8.** Seksyen 32 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**PTSKL**” dengan perkataan “**Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia**”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “PTSKL” dengan perkataan “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia”.

### **Pindaan seksyen 33**

**9.** Seksyen 33 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “PTSKL” dengan perkataan “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “PTSKL” dengan perkataan “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia”.

### **Pindaan seksyen 34**

**10.** Seksyen 34 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**PTSKL**” dengan perkataan “**Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia**”; dan
- (b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “PTSKL” dengan perkataan “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia”.

**Pindaan seksyen 39**

**11.** Seksyen 39 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “PTSKL” dengan perkataan “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia”.

**Pindaan seksyen 40**

**12.** Seksyen 40 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “PTSKL” dengan perkataan “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia”.

**Kecualian**

**13.** Semua pelantikan yang dibuat oleh Pengarah PTSKL sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan sebagai telah dibuat oleh Presiden Mahkamah Timbang Tara Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia dan hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan sehingga dibatalkan oleh Presiden Mahkamah Timbang Tara Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia.

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012 (“Akta 746”) untuk memperuntukkan mengenai perubahan nama Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (PTSKL) kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia dan supaya selaras dengan pelaksanaan Perjanjian Tambahan antara Kerajaan Malaysia dengan Pertubuhan Perundingan Undang-Undang Asia-Afrika yang berhubungan dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia di Kuala Lumpur bertarikh 20 Februari 2024.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 746 untuk memasukkan takrif “Presiden” ke dalam Akta 746 yang merujuk kepada Presiden Mahkamah Timbang Tara Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia yang akan menggantikan Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (dahulunya dikenali sebagai Pengarah PTSKL). Ini adalah untuk menunjukkan inisiatif penstrukturkan semula Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia supaya selaras dengan pelaksanaan Perjanjian Tambahan antara Kerajaan Malaysia dengan Pertubuhan Perundingan Undang-Undang Asia-Afrika yang berhubungan dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia di Kuala Lumpur. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memotong takrif “PTSKL” berbangkit daripada perubahan nama KLRCA kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 12(6) Akta 746 untuk menghendaki seseorang adjudikator untuk menyampaikan suatu salinan keputusan adjudikasi yang dibuat olehnya kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia sebagai suatu badan adjudikasi yang hendaklah bertanggungjawab antara lain untuk menyediakan sokongan pentadbiran bagi penjalanan adjudikasi.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subseksyen 16(2) Akta 746 dengan menggantikan istilah “Pengarah PTSKL” dengan istilah “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia” untuk menghendaki amaun teradjudikasi menurut keputusan adjudikasi atau sebahagian daripadanya untuk didepositkan dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 19 Akta 746 yang berhubungan dengan fi dan perbelanjaan adjudikator dengan menggantikan istilah “PTSKL” dengan istilah “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia” berbangkit daripada perubahan nama pusat itu. *Fasal* ini juga bertujuan untuk menggantikan istilah “Pengarah PTSKL” dengan istilah “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia” dalam subseksyen 19(4), (5) dan (6) Akta 746 untuk menghendaki fi dan perbelanjaan adjudikator didepositkan dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia.
7. *Fasal 6* dan *7* bertujuan untuk meminda perenggan 21(b) dan seksyen 23 Akta 746 masing-masing untuk menggantikan istilah “Pengarah PTSKL” dengan istilah “Presiden” sebagaimana yang ditakrifkan dalam *fasal 2*.
8. *Fasal 8, 9, 10, 11* dan *12* bertujuan untuk meminda seksyen 32, 33, 34, 39 dan 40 Akta 746 masing-masing untuk menggantikan istilah “PTSKL” dengan istilah “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia” berbangkit daripada perubahan nama pusat itu.
9. *Fasal 13* memperkatakan tentang peruntukan kecualian.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amannya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3380]